

## Cerita Lengkap Berkenaan Penangkapan Lima Orang Pemimpin Algeria

Inilah cerita yang pertama disiarkan selengkapnya berkenaan kehidupan para pejuang Algeria semenjak mereka itu hinggalah ke hari ini. Cerita ini diambil daripada mulut mereka itu sendiri, dan inilah gambar-gambar yang pertama disiarkan berkenaan keadaan mereka itu di dalam tempat tahanan mereka.

**(Diterjemah dan disusun oleh Muhammad Fauzi Haji Awang)**

Isteri Muḥammad Khayḍīr dan isteri Ḥusīn Ayat serta anak-anak keduanya telah tinggal sebulan genap bersama-sama pejuang-pejuang itu di tempat tahanan mereka iaitu disebut rumah besar, tetapi akhirnya telah bertukar menjadi penjara yang besar. Kedua-dua isteri yang bersaudara itu, Zahrah dan Jamīlah, telah kembali ke Kaherah melaporkan cerita ini sepenuhnya, cerita yang berlaku selama lima tahun semenjak mereka ditahan.

Zahrah dan Jamīlah tinggal sebulan genap di Paris bersama-sama dengan pemimpin-pemimpin Algeria yang berlima iaitu Aḥmad bin Bilal, Muḥammah Khayḍīr, Boudif, Husin Ayah dan Ahmad Biṭāṭ. Kedua-duanya dapat melihat keadaan para pejuang itu di dalam tempat tahanan mereka, mengetahui dengan agak *detail* mengapa mereka itu diculik dan mengetahui rahsia-rahsia yang menggerunkan, dilakukan oleh komplot-komplot untuk menculiknya.

Kedua-duanya telah melihat dengan kedua mata mereka masing-masing bagaimana kesan-kesan penyiksaan yang dilakukan terhadap ratusan orang-orang tahanan Algeria yang penuh sesak di rumah sakit di Paris dan di dalam penjara-penjaranya.

Jamīlah Buḥrayd telah menceritakan kepada kedua-duanya bagaimana dia sendiri telah disiksa oleh orang-orang Perancis. Kedua-duanya telah dapat bertemu dengan Būbāshā, Jamīlah Būkzah, dan kesatria Yūsuf Sa'adi iaitu tunang

kepada Jamīlah Buḥrayd.

Para pejuang yang berlima itu telah menceritakan kepada keduanya bagaimana orang-orang Perancis telah memindahkan mereka ke sebuah istana yang besar, menyediakan segala kesenangan dan kemewahan kepada mereka ketika mengadakan satu perundingan dahulu. Mereka menceritakan lagi bagaimana semuanya itu telah bertukar menjadi bengis dan kejam kerana perundingan itu telah gagal.

Kedua-dua isteri para pejuang itu telah mendengar kisah-kisah komplot-komplot yang telah cuba beberapa kali hendak membunuh pemimpin Algeria yang berlima itu.

### Percakapan dari Perancis

Puan Zahrah isteri Muḥammad Khayḍīr berkata:

Akhir bulan Jun yang lalu (1961 – penyusun) ketika percutian sekolah dimulakan saya dan saudara saya Jamīlah iaitu isteri kepada Ḥusīn 'Ayah Aḥmad, kawan suami saya ditempatkan tahanan di Perancis, bersiap sedia hendak pergi ke tempat peranginan bersama anak-anak kami. Semenjak kami tinggal di Kaherah iaitu selepas suami kami diculik, kami sudah biasa menghabiskan musim panas di Iskandariah.

Suatu malam kami bersama anak-anak, sedang berada di hadapan televisyen, tiba-tiba telefon berdering-dering. Saudara saya Jamīlah bersegera untuk menjawabnya. Telefon itu

datangnya dari gadis telefon operator, katanya:

“Rumah Muḥammad Khayḍīr dan Ḥusīn Ayah Aḥmad?”

“Ya!”

“Isteri Muḥammad Khayḍīr dan Ḥusīn Ayah ada di rumah sekarang ini?”

“Ya! Mengapa?”

“Jangan tinggalkan rumah ya! Ada orang hendak bercakap dari Paris. Tunggulah”

\* \* \*

Percakapan dari Paris? Di Paris hanyalah suami kami, tinggal di dalam penjara yang berhampiran dengan kota Paris. Apakah yang telah terjadi kepada keduanya? Apakah berita kematian mereka?

Anak-anak kami menggigil ketakutan. Kami juga begitu. Mereka mengelilingi kami bertanya tentang percakapan kami.

### **Suami Saya Bercakap di Telefon.**

Sekali lagi telefon bordering-dering. Saya memegang penerima telefon. Kedengaranlah sayup-sayup suara yang telah pun perasaan saya mengenalinya, lebih dahulu dari telinga saya mengenalinya lagi. Itulah suara suami saya Muḥammad Khayḍīr yang tidak saya dengarnya semenjak 16 Oktober tahun 1956 lagi.

Sekarang saya tak ingat lagi apakah permulaan percakapan saya, dan apakah permulaan perkataan suami saya. Apa yang saya ingat hanyalah saya menangis dan bertanya khabar tentang kesihatannya. Suami saya pula bertanya khabar tentang saya dan anak-anak.

Kemudian katanya lagi: “Awak dan anak-anak, bersiaplah sekarang, untuk berangkat ke Tunis dan juga saudara awak Jamīlah serta anak-anaknya untuk menghabiskan

musim panas bersama-sama kami di tempat tahanan yang berhampiran dengan kota Paris. Saya telah pun berusaha untuk mendapat kebenaran supaya kamu semua dapat berkunjung ke mari. Kami menunggu dengan secepat mungkin”

Kami bercakap selama sembilan minit. Kemudian saya beri pula penerima telefon kepada Jamīlah. Dia pun bercakap dengan suaminya Ḥusīn Ayah Aḥmad.

Semalaman-semalaman itu kami tak pun tidur. Kami bercakap-cakap bersama-sama anak-anak menceritakan tentang ayah mereka yang tak lama lagi akan bertemu dengannya. Anak perempuan kecil saya yang bernama Amal tak juga tidur. Anak yang belum ayahnya melihat wajahnya dan begitu juga sebaliknya, kerana semasa ayahnya diculik dahulu dia masih dalam kandungan lagi.

### **Di Istana Tempat Tahanan**

Tiga hari kemudian kami pun berada di Tunis. Setelah hampir belayar ke Paris menerima sepucuk kawat dari Ḥusīn 'Ayah Aḥmad, ipar saya meminta Jamīlah supaya menanggungkan pelayarannya kerana pada masa itu dia sedang diurut di rumah sakit. Dalam kawat itu juga dia berharap supaya saya dan anak-anak meneruskan pelayaran.

Saya dan anak-anak, Tāriq, 'Amīnah, dan 'Amal yang masih kecil pun naik kapal terbang pada hari yang tak saya lupai iaitu pada pertengahan bulan Julai.

Setelah kami sampai di Paris, kami dapati tuan Murād Ṣādiq iaitu peguam bagi pihak suami saya dan konsul Maghribi di Paris sedang menunggu kami.

Kami menaiki sebuah motokar khas, motokar bagi pihak duta Maghribi di Paris menuju ke Tirkan di mana istana tempat suami saya dan kawan-kawannya pejuang

Algeria tinggal. Empat jam kemudian, kami pun sampai di Tirkan dan sampailah di tempat tahanan yang besar itu.

### **Pertemuan yang Tak Dapat Saya Lupakan**

Kami pun turun dari motokar berjalan melalui pintu gerbang yang besar, dan terus berjalan selama setengah jam lebih, di sebuah kebun yang luas penuh dengan pokok-pokok.

Anak saya Amal, sepanjang perjalanan memegang tangan saya. Dia takut, bercampur gembira dan resah gelisah. Dalam hatinya bergelora dengan beberapa perasaan. Ini, saya mengetahuinya dari tangannya yang menggeletar sedang memegang tangan saya dengan kemasnya.

Dari jauh lagi kelihatan suami saya dan disampingnya pejuang Ahmed Ben Bella, Ahmed Bittat dan Boudif, sedang berada di anjung di tingkat bawah. Di masa itu Husin Ayah Ahmad telah pun dipindahkan ke rumah sakit.

Mereka semua memakai pakaian yang ringan sahaja. Kemeja dan pentalone. Saya menemui suami saya dan anak-anak menemui ayah mereka setelah berpisah selama lima tahun.

Tariq dan Aminah menggelepar dalam pelukan ayahnya, sedang Amal yang masih kecil berdiri memerhati dengan penuh kesayuan. Kemudian dia mencampakkan dirinya antara dua tangan ayahnya dan air matanya mengalir membasahi wajah ayahnya itu sambil berkata: "Baba . . . . . Baba . . . . !" Inilah perjumpaan air mata perpisahan dan air mata kegembiraan.

Ahmed Ben Bella dan kawan-kawannya turut mengeluarkan air mata, bahkan perjumpaan itu melupakan pengawal-pengawal Perancis tentang kePerancisannya mereka. Mereka juga turut mengeluarkan air mata.

Detikan pertama dalam perjumpaan itu pun tamat. Masing-masing tenang. Dan penjaga-penjaga bangsa Perancis itu pun mulailah kembali semula kePerancisannya mereka.

Ketarahlah gambaran-gambaran kekejaman di wajah mereka.

### **Dianggap Askar!**

Kami masuk ke rumah besar itu, terus duduk di bilik tetamu. Amal bercakap-cakap dengan ayahnya.

"Amal marah kepada Baba" katanya" Baba tak datang melihat kami. Tiap-tiap hari saya menanya Mama, dan gambar ayah Amal letak di katil 'Amal"

Kemudian Amal mengeluarkan dari saku bajunya sekeping coklat yang dibeli untuk ayahnya di Tunisia, sambil menghulur coklat itu kepada ayahnya dan berkata

"Baik-baik Baba! Nanti askar itu merampasnya" Kata Amal di waktu dia melihat seorang penjaga dengan bengis merenung ke mukanya yang tak berdosa itu.

Saya menghalakan percakapan saya kepada suami saya. Alangkah gembiranya suami saya kerana saya sudah pandai dan lancar bercakap dengan bahasa Arab. Sewaktu berpisah dahulu, saya masih payah hendak bercakap dengan bahasa Arab.

"Saya telah belajar bahasa Arab" saya ceritakan "Dalam masa lima tahun di Kaherah saya telah pandai" Aminah dan Tariq kedua-duanya menyanyi lagu kebangsaan yang dipelajarinya di sekolah di Kaherah.

### **Kisah Lima Tahun**

Sewaktu makan malam suami saya bercerita. Dia menceritakan kepada saya segala-segala peristiwa yang berlaku semasa lima tahun dalam tempat tahanananya Perancis.

Anak-anak kami asyik sekali mendengar percakapan kami. Pada mulanya saya menceritakan kepada anak-anak tentang kisah akhir perjumpaan dengan suami saya iaitu pada 16 Oktober tahun 1956 di Kaherah. Suami saya berkata bahawa dia akan belayar ke suatu tempat. Tapi dia tak menceritakan apakah urusannya. Saya pun tak pula

tanya. Saya tahu dia bekerja bersama kawan-kawannya demi kepentingan Algeria. Suami saya pun berangkat . . . .

Pada 22 haribulan Oktober, iaitu enam hari selepas suami saya berangkat, saya terbaca berita tentang penculikannya dan juga kawan-kawannya.

Kemudian suami saya, Muḥammad Khayḍīr meneruskan cerita dengan katanya:

“Saya berangkat ke Rabat. Di sana saya berjumpa dengan kawan-kawan iaitu Ahmed Ben Bella, Aḥmed Biṭṭā, Boudif, dan Ḥusīn Ayah. Kami telah pun berjanji tujuan berjumpaan itu ialah untuk bertemu dengan Sultan Muḥammad yang kelima, Raja Maghribi, kemudian dengan Tuan Bourguiba Perdana Menteri Tunis.

Kami pun menetapkan masa pertemuan dengan Sultan Muḥammad yang kelima. Hadir dalam pertemuan itu ialah Raja Muda iaitu Sultan Ḥasan “Raja Maghribi sekarang ini” Kami mengemukakan tentang tuntutan bangsa Algeria. Kemudian bercakap pula bagaimana cara hendak berangkat ke Tunis untuk menemui Habib Bourguiba.

Sultan telah berjanji bahawa baginda akan menyediakan segala-gala persiapan untuk kami belayar dengan kapal terbang khas melalui Wehran kemudian ke Tunis.

### **Mengubah Kapal Terbang.**

Kawan saya Ḥusīn Ayah Aḥmad meminta Raja Muda dan bercadang supaya kami terbang ke Tunis melalui jalan Sepanyol dan mendarat di Madrid. Kemudian dari Madrid ke Tunis permintaan ini dipersembahkan kepada ayahanda baginda dan baginda menyatakan bahawa bersedia segala-galanya dan bertanggungjawab atas keselamatan kami.

Ḥusīn Ayah bercadang supaya perjalanan ini hendaklah pada siang hari. Tetapi baginda berkata bahawa segala persiapan telah diatur, “dengan berkat Allah, saya akan beri

satu list jadual perjalanan kapal terbang” katanya lagi.

### **Melihat Tapak Tangan**

Di padang terbang Rabat, pada masa yang ditetapkan, kelihatan dua buah kapal terbang sedang berada di situ. Seorang pelayan Perancis menyambut kami lalu mempersilakan kami ke sebuah kapal terbang. Itulah kapal terbang Maghribi yang dikhaskan.

Dua minit kemudian, pelayan itu juga menemui kami dan meminta kami berpindah ke kapal terbang yang satu lagi, kerana katanya, kapal terbang ini akan terbang ke Algeria.

Kami pun naik ke kapal terbang yang satu lagi. Kami merasa terperanjat kerana pelayan itu juga bersama kami, dan beberapa orang wartawan lagi. Pintu kapal terbang ditutup, kemudian terbang.

Kami berbual-bual. Pelayan itu bersembang dengan kawan Boudif. Kemudian katanya dia mahir melihat tapak tangan, lalu memegang tangan Boudif sambil mulut kumat kamit membaca perkataan yang ganjil lalu berkata kepadanya, “Kamu semua sedang menuju kerana satu urusan penting. Tapi semuanya tak berjaya dan tak sampai ke tempat yang dituju.”

Boudif tercengang. Dia memanggil saya dan menceritakan apa yang dikatakan oleh pelarian, penengok tapak tangan itu.

“Tidak!! Kami telah berazam akan sampai kepada tujuan kami” kata saya kepada pelayan “kami akan sampai ke sana walau apa akan terjadi”

Setengah jam kemudian, kapal terbang berpusing lalu turun. Suasana pada masa itu gelap pekat, tidak kelihatan sesuatu apa pun di sekeliling kami. Kami menoleh kepada jam tangan, baharu dua jam setengah semenjak bertolak dari Rabat. Sepatutnya kami sampai ke Tunis dalam masa 4 jam.

-bersambung